



Nor Alyani Abdul Razak  
Pusat Perakaunan dan Kewangan

# DIVIDEN:

## Suatu Kemestian Atau Kemampuan?

Kedatangan bulan Jun 2015 yang lalu telah sekali lagi mencorakkan kanvas lukisan peta perjalanan koperasi di Malaysia. Koperasi yang tamat tempoh kewangan pada 31 Disember 2014 akan menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan pada bulan Jun 2015. Pengumuman yang paling dinanti-nanti pastinya ialah berapa jumlah dividen yang akan diisytiharkan pada tahun ini? Usai mesyuarat berlangsung, pastinya kedengaran pelbagai reaksi daripada anggota tentang kadar dividen yang diterima. Mengapa tahun lepas tinggi? Mengapa dividen tahun ini rendah? Sebaliknya, semua mulut terkunci dan kadang-kala sahaja terdengar pujian kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) atas usaha mereka sepanjang 12 bulan.

### Tahukah anda?

Dividen merupakan keuntungan yang diberikan kepada setiap pemegang saham koperasi. Pembayaran dividen hanya merupakan salah satu bentuk pulangan yang diterima oleh anggota koperasi selain manfaat daripada pelbagai kumpulan wang, atau tabung yang diwujudkan untuk tujuan kebaikan anggota. Di koperasi, kadar dividen akan dicadangkan oleh ALK sebelum Mesyuarat Agung Tahunan dijalankan. Kadar dividen yang dicadangkan

akan dimuatkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan dalam Penyata Kewangan Tahunan Koperasi. Sekiranya kadar yang dicadangkan adalah melebihi 10 peratus, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan menilai kedudukan kewangan koperasi terlebih dahulu sebelum memberi kelulusan. Seterusnya, kadar dividen yang dicadangkan ini akan dikemukakan kepada anggota untuk kelulusan.

## Keuntungan Koperasi \$

Koperasi ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi anggotanya. Namun, peningkatan dalam taraf ekonomi, sosial dan budaya sukar dicapai sekiranya koperasi tidak memperoleh keuntungan secukupnya untuk tujuan tersebut. Setiap tahun, koperasi akan memulakan aktiviti perniagaannya seperti yang termaktub di dalam Undang-undang Kecil Koperasi.

Matlamat utama koperasi menjalankan aktiviti perniagaan sudah tentunya untuk mencapai keuntungan maksimum. Oleh itu, ALK perlu bersungguh-sungguh dalam menjalankan aktiviti perniagaan supaya pendapatan koperasi mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada masa yang sama, ALK juga perlu berbelanja secara berhemah agar matlamat keuntungan yang dikehendaki dapat direalisasikan.

## Keuntungan yang Boleh Dibahagikan

Akaun Untung Rugi Koperasi disediakan bertujuan untuk mengira keuntungan tahun semasa untuk semua jenis perniagaan yang telah dijalankan oleh koperasi. Berdasarkan untung bersih yang diperoleh, suatu Akaun Pembahagian Keuntungan hendaklah dibuat. Walau bagaimanapun, jumlah untung ini belum boleh dibahagikan kepada anggota sehingga halal ditolak pelarasan operasi, kerugian terkumpul tahun lalu dan pembahagian statutori (Seksyen 57 Akta Koperasi 1993).

Setelah ditolak pembahagian statutori, barulah baki keuntungan diperuntukkan kepada lain-lain bentuk pembahagian seperti rebat atas langganan, pembayaran dividen, pembayaran honorarium atau memperuntukkan keuntungan dalam kumpulan wang anggota untuk manfaat pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, berbanding dengan bentuk

**Jadual 1.1 :**  
**Petikan Akaun Untung Rugi Induk daripada GP23**

	RM	RM
	2013	2014
<b>PENDAPATAN</b>		
Pendapatan Daripada Aktiviti :		
Kredit	xx	xx
Pemborongan / Peruncitan	xx	xx
Stesen Minyak	xx	xx
Ternakan	xx	xx
Lain-lain Aktiviti Pengguna		
Ar-Rahnu / Pajak Gadai	xx	xx
Pelancongan	xx	xx
Kesihatan	xx	xx
Pendapatan dari Syarikat Bersekutu	xx	xx
Pendapatan Am ( senaraikan)	xxx	xxx
<b>JUMLAH</b>	<b>xxx</b>	<b>xxx</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Kos Jualan / Kos Aktiviti :		
Kredit	x	x
Pemborongan / Peruncitan	x	x
Stesen Minyak	x	x
Ternakan	x	x
Lain-lain Aktiviti Pengguna		
Ar-Rahnu / Pajak Gadai	x	x
Pelancongan	x	x
Kesihatan	x	x
Lain-lain Aktiviti ( nyatakan jenis aktiviti )	x	x
Perbelanjaan Am :		
Fi Audit Suruhanjaya	x	x
Perbelanjaan Lembaga	x	x
Kos Pembiayaan / Faedah Pinjaman	x	x
Peruntukan Hutang Ragu/Lapuk	x	x
Susut nilai Aset	x	x
Rosot nilai Pelaburan	x	x
Belanja Mesyuarat Agung	x	x
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan	x	x
Pelbagai Perbelanjaan ( senaraikan )	x	x
<b>JUMLAH</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>
Keuntungan /(Kerugian) daripada aktiviti biasa	xx	xx
Pendapatan /(Perbelanjaan) Luar biasa	x	x
<b>Keuntungan/(kerugian) Bersih</b>	<b>xxx</b>	<b>xxx</b>



**Jadual 1.2 :**  
**Petikan Akaun Pembahagian**  
**Keuntungan daripada GP 23**

SKIM - BAK / e-REG / GP	GP23: GARIS PANDUAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI	35 / 62
<b>CONTOH PENGIRAAN BERKANUN BAGI KEADAAN (b)</b>		
<b>RM</b>		
Untung Bersih Tahun Semasa		120,000
Tolak: Pelarasan Operasi		(20,000)
Untung Bersih Selepas Pelarasan Operasi		100,000
Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun		(30,000)
Untung Bersih Selepas Kerugian Terkumpul		70,000
<b>Tolak: Pembahagian Berkanun (15%)</b>		
Kumpulan Wang Rizab Statutori (RM15,000 - RM 1,400 - RM 700)		12,900
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (RM70,000 x 2%)	2%	1,400
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (RM70,000 x 1%)	1%	700
(15% x RM100,000)		15,000
Untung Selepas Pembahagian Berkanun		55,000

\*Sekiranya KWRS adalah 60% daripada syer dan yuran

pembahagian keuntungan yang lain, lazimnya bentuk pulangan yang paling disukai oleh anggota koperasi adalah dividen. Justeru, tidak hairanlah jika penentuan jumlah bayaran dividen sering kali dikaitkan dengan keupayaan koperasi memperoleh untung tanpa melihat bentuk pulangan lain yang diterima. Secara tidak langsung, kegagalan koperasi untuk membayar dividen pada kadar sama atau lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, akan menjadi kayu ukur prestasi ALK yang dilantik. Berbeza dengan koperasi yang memperoleh keuntungan yang tinggi, koperasi mempunyai kemampuan untuk membayar dividen, namun tertakluk kepada had dividen yang dibenarkan oleh SKM sebanyak 10 peratus seperti yang digariskan di dalam Garis Panduan 2: Garis Panduan Pembayaran Dividen di bawah Perenggan 57(5)(b) Akta Koperasi 1993.

## Bolehkah koperasi bayar dividen lebih 10 peratus?

Koperasi boleh membuat permohonan kepada SKM untuk 1) membayar dividen melebihi 10 peratus daripada untung bersih teraudit; atau 2) membayar dividen daripada mana-mana sumber lain selain untung bersih teraudit. SKM telah menggariskan **tujuh kriteria** sebelum koperasi dibenarkan membayar dividen kepada anggotanya (Garis panduan 2: Garis Panduan Pembayaran Dividen di bawah Perenggan 57(5)(b) Akta Koperasi 1993). Berikut adalah kriteria yang perlu dipenuhi:

### #1. Akta dan Peraturan Koperasi

Setiap koperasi yang ingin membayar dividen perlu menjelaskan sepenuhnya bayaran kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS), Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi sebelum dipertimbangkan untuk membayar dividen melebihi jumlah yang dibenarkan.

## #2. Kemampuan Kewangan

Koperasi boleh membayar dividen dengan menggunakan keuntungan tahun semasanya. Walau bagaimanapun, sekiranya tidak mencukupi, koperasi boleh menggunakan sumber lain seperti rizab am, keuntungan terkumpul dan kumpulan wang penyamaan dividen. Koperasi tidak dibenarkan untuk meminjam daripada sumber luar seperti pinjaman atau menjual aset untuk menampung kekurangan sumber. Ini kerana prinsip pembayaran dividen adalah untuk memberi ganjaran ekonomi yang munasabah kepada anggota dan bukannya sebagai alat kepada ALK untuk meraih sokongan daripada anggota.

## #3. Prestasi dan Keuntungan Koperasi

Keuntungan koperasi diperoleh daripada perbezaan di antara jumlah pendapatan dan perbelanjaan koperasi. Jumlah pendapatan koperasi perlu lebih tinggi daripada jumlah perbelanjaan untuk memperoleh keuntungan. Sekiranya koperasi berjaya memperoleh keuntungan atas aktiviti perniagaan yang dijalankan, maka koperasi boleh menggunakan keuntungan tersebut untuk diagihkan kepada anggota dalam bentuk dividen. Justeru, ALK harus memastikan aktiviti perniagaan koperasi kekal kompetitif dalam jangka masa panjang untuk memastikan keuntungan yang konsisten dapat diperoleh daripada aktiviti perniagaan biasa koperasi.

Kadang-kala, koperasi terlibat dengan aktiviti di luar kebiasaan seperti pengembangan saiz perniagaan, penglibatan dalam aktiviti perniagaan baru dan pelarasan perakaunan yang memberi kesan kepada keuntungan yang diperoleh. Oleh itu, sekiranya keuntungan yang diperoleh lebih tinggi daripada biasa, koperasi boleh membayar dividen pada jumlah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, anggota perlu diingatkan bahawa jumlah tersebut adalah berdasarkan aktiviti luar jangka yang berlaku dan terdapat kemungkinan pada tahun-tahun akan datang jumlah dividen

akan kembali dibayar pada jumlah biasa. Dalam hal ini, ALK perlu memainkan peranan dengan tidak mengagihkan kesemua untung yang ada, sebaliknya menyimpan sebahagian untung tersebut untuk digunakan dalam pengendalian aktiviti perniagaan koperasi pada masa akan datang.

## #4. Kecairan

Kecairan adalah kemampuan untuk menukar aset kepada bentuk tunai fizikal yang boleh digunakan untuk berurus niaga. Koperasi perlu memastikan tahap kecairan aset koperasi berada sekurang-kurangnya pada tahap minimum (1: 1) sebelum pembayaran dividen dibuat. Hal ini amat penting kerana koperasi perlu kekal cair pada tahap yang diperlukan untuk menjalankan urus niaga harian seperti membuat perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan pemasaran, dan perbelanjaan lain-lain. Oleh yang demikian, kadar dividen yang dicadangkan hendaklah pada kadar yang munasabah tanpa menjelaskan operasi harian dan kedudukan kewangannya.

Tahap kecairan boleh dikira dengan membahagikan jumlah aset semasa koperasi dengan jumlah liabiliti semasanya (Aset Semasa /Liabiliti Semasa). Sekiranya nisbah kecairan koperasi adalah (1: 1), ia menunjukkan koperasi mempunyai RM1 aset semasa untuk melunaskan RM1 liabiliti semasanya pada bila-bila masa. Sekiranya tahap kecairan berada di bawah tahap minimum, koperasi akan mengalami masalah untuk menjelaskan liabiliti jangka pendeknya. Oleh itu, koperasi yang mengalami masalah untuk menjelaskan hutang, tidak wajar menggunakan keuntungannya untuk membayar dividen yang banyak sedangkan masih terhutang kepada pihak lain.

Koperasi yang memohon untuk membayar dividen melebihi kadar yang dibenarkan dikehendaki oleh SKM untuk mengemukakan penyata bank semasa, penyata berkaitan apa-apa simpanan di

Jadual 1.3: Petikan Akaun Untung Rugi daripada GP 23

<b>KOPERASI XYZ</b>		
AKAUN UNTUNG RUGI INDUK BAGI TAHUN BERAKHIR .....		
<b>Perbelanjaan Am :</b>		
40201 Fi Audit Suruhanjaya xx xx 40202 Perbelanjaan Lembaga xx xx 40203 Kos Pembiayaan / Faedah Pinjaman xx xx <b>40204 Peruntukan Hutang Ragu/Lapuk</b> → xx xx 40205 Susutnilai Aset xx xx <b>40206 Rosotnilai Pelaburan</b> → xx xx <b>40207 Hutang Lapuk</b> → xx xx		
<b>JUMLAH</b>		
30401 Keuntungan /(Kerugian) daripada aktiviti biasa xx xx 40401 Pendapatan /(Perbelanjaan) Luarbiasa xx xx		
Keuntungan/(kerugian) Bersih xx xx		

bank dan penyata tanggungan terkini untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan. Penyata-penysta tersebut akan memberi gambaran kepada SKM tentang jumlah tunai fizikal semasa yang dimiliki oleh koperasi untuk membayar dividen berdasarkan kadar dividen yang dimohon oleh koperasi.

SKM untuk membayar dividen melebihi 10 peratus kepada anggotanya perlu memastikan kedudukan kewangannya adalah benar dengan memastikan pelarasian perakaunan telah dibuat ke atas akaun-akaun berkenaan.

## #6. Trend Dividen

### #5. Peruntukan Hutang Ragu dan Hutang Lapuk

Koperasi yang mempunyai akaun penghutang perlu mewujudkan peruntukan hutang ragu, rosot nilai pelaburan dan menghapus kira hutang lapuk sebagai belanja tahun semasa. Peruntukan ini adalah penting untuk mencerminkan kedudukan sebenar jumlah penghutang, pelaburan dan keuntungan tahun semasa koperasi. Sekiranya peruntukan tersebut tidak dibuat, akaun penghutang dan pelaburan koperasi tidak akan menunjukkan jumlah bersih yang seterusnya akan memberi kesan kepada pengiraan untung koperasi. Peruntukan hutang ragu dan peruntukan rosot nilai pelaburan seharusnya diwujudkan dengan secukupnya manakala hutang lapuk pula dihapus kira supaya keuntungan koperasi tidak terlebih catat. Koperasi yang memohon kepada

Adat perniagaan, pasti ada pasang surutnya. Kadang-kala, kita mungkin peroleh untung yang banyak kadang pula sebaliknya. Justeru, koperasi digalakkan untuk mempunyai dasar pembayaran dividen. Jumlah pembayaran dividen mestilah munasabah berdasarkan keuntungan tahun semasa hasil daripada perniagaan yang dijalankan. Selain itu, keupayaan koperasi untuk mengekalkan jumlah pembayaran dividen juga perlu stabil, di mana jurang pembayaran yang besar akan menimbulkan pelbagai spekulasi dalam kalangan anggotanya. Sebagai contoh, sekiranya koperasi membuat pembayaran dividen yang lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelumnya, anggota koperasi pastinya lebih gembira. Namun, ALK perlu membuat penjelasan tentang sumber keuntungan luar biasa yang diperoleh sehingga menyebabkan pembayaran luar biasa tersebut

dilakukan. Dalam hal ini, koperasi adalah digalakkan untuk kekal membayar dividen pada kadar biasa dan lebihan keuntungan tersebut disimpan di dalam Kumpulan Wang Penyamaan Dividen. Kumpulan wang ini boleh digunakan pada tahun di mana prestasi perniagaan koperasi kurang baik berbanding tahun sebelumnya. Hal ini membolehkan koperasi tetap membayar dividen pada kadar yang “diharapkan” oleh anggotanya, dan dalam masa yang sama dapat mengekalkan kesetiaan dan sokongan anggota kepada koperasi.

#### #7. Rancangan Belanjawan Tahun Hadapan

Perancangan kewangan yang terperinci akan melancarkan perjalanan aktiviti perniagaan yang sedang dan bakal diceburi oleh koperasi. Di koperasi, perancangan kewangan dibuat melalui belanjawan tahunan yang diluluskan oleh anggota dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Belanjawan tahunan koperasi memaparkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan koperasi untuk tempoh 12 bulan ke hadapan. Anggaran tersebut dibuat untuk memenuhi keperluan aktiviti perniagaan sedia ada dan aktiviti baru yang telah dirancang dan dipersetujui untuk dilaksanakan pada tahun berkenaan. Ia juga dikenali sebagai belanjawan hasil. Selain itu, belanjawan juga disediakan untuk tujuan pemilikan aset bukan semasa seperti pembelian harta tanah, loji dan peralatan yang turut dikenali sebagai belanjawan modal. Justeru, koperasi perlu mengambil kira keperluan kewangan untuk tujuan ini sebelum mengisyiharkan kadar dividen yang akan dibayar kepada anggota.

Kegagalan koperasi untuk memastikan kecukupan sumber kewangan ini akan mengganggu kelancaran aktiviti perniagaan pada tahun tersebut seterusnya mengganggu potensi pendapatan yang bakal diperoleh. Lebih parah lagi, sekiranya koperasi tidak merancang belanjawan dengan teliti, perjalanan operasi koperasi pada tahun

hadapan akan menghadapi kesukaran kerana koperasi hanya dibenarkan membuat perbelanjaan lima peratus melebihi amaun yang dibelanjakannya (Peraturan Koperasi 2010 Perkara 16(2)) manakala perbelanjaan selebihnya hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan terlebih dahulu. Hal ini pastinya tidak disukai oleh ALK kerana mengganggu kelincinan pembuatan keputusan di koperasi.

#### Halangan Membayar Dividen

Tahukah anda, walaupun koperasi memperoleh keuntungan tahun semasa, koperasi masih dilarang untuk membayar dividen? Ya. Seperti yang dinyatakan awal tadi, koperasi hanya boleh membahagikan keuntungannya setelah ditolak pelarasan operasi, kerugian terkumpul tahun lalu dan pembahagian statutori (Seksyen 57 Akta Koperasi 1993). Sekiranya tiada lagi baki keuntungan yang boleh dibahagikan, atau baki kerugian terkumpul masih tersisa, maka koperasi secara amnya tidak dibenarkan untuk membayar dividen kepada anggotanya. Walau bagaimanapun, koperasi masih boleh mengemukakan permohonan kepada SKM untuk membayar dividen pada kadar tidak melebihi lima peratus atas modal syer dan yuran anggotanya. Semua koperasi yang ingin mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi



pembayaran dividen perlu mengepulkan dokumen-dokumen berikut bersama permohonan pembayaran dividen.

**Jadual 1 GP2 :**  
**Dokumen yang Perlu dikemukakan oleh Koperasi Bagi Tujuan Memohon Kelulusan Pembayaran Dividen**

Dokumen	Salinan
Surat Permohonan Pembayaran Dividen oleh Koperasi	2
Cabutan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang Meluluskan Pembayaran Dividen	2
Penyata Kewangan Teraudit bagi Tahun Kewangan yang Dipohon	2
Penyata Bank Koperasi yang Terkini (Termasuk Sijil Simpanan Tetap dan Akaun Simpanan) Sekiranya Ada	2
Bajet Tahunan yang Diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan	2



## Senario Koperasi di Malaysia

Kebanyakan koperasi di Malaysia telah lama mengamalkan pemberian manfaat kepada anggotanya dalam bentuk dividen. Ini menjadikan kadar pembayaran dividen sebagai kayu ukur utama dalam menentukan potensi pertumbuhan koperasi pada masa akan datang. Hakikatnya, kadar dividen hanyalah merupakan salah satu daripada *Key Performance Indicator* (KPI) yang menunjukkan prestasi sesebuah koperasi yang diterajui oleh barisan ALK yang telah dilantik. Kefahaman yang agak sempit ini sewajarnya dikikis supaya jati diri koperasi dapat dihayati dalam kalangan anggota koperasi. Sebaiknya, ALK perlu memainkan peranan dalam memberikan pendidikan yang holistik kepada anggota dalam berkoperasi dengan mengamalkan dan menerapkan prinsip dan nilai-nilai murni dalam penubuhan koperasi.

Sebagai perbandingan, koperasi-koperasi luar negara seperti di Jepun, Sepanyol, dan Singapura, pembayaran dividen kepada anggota koperasi hampir tidak mempunyai kesan terhadap kesetiaan anggota kerana peranan koperasi dilihat lebih besar selain hanya perlu menjana keuntungan serta berupaya memberi pulangan dividen tinggi semata-mata. Sebaliknya, koperasi memegang peranan yang lebih besar sebagai agen yang mengawal harga barang, menetapkan standard produk, meningkatkan taraf hidup dan sebagai platform untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan khususnya dalam komuniti setempat yang seterusnya menyumbang kepada keluaran negara.

Artikel ringkas ini diharap dapat memberi gambaran kepada ALK tentang perkara-perkara yang perlu dititik beratkan sebelum membuat keputusan bagi menentukan kadar dividen yang ingin diberikan kepada anggotanya termasuklah bagaimana keuntungan koperasi diperoleh? Berapakah keuntungan yang boleh dibahagikan? Berapakah kadar dividen yang ingin dan boleh dibayar dengan mengambil kira peruntukan Akta Koperasi 1993,

kemampuan dan kestabilan kewangan koperasi dan prestasi koperasi pada tahun semasa? Aspek-aspek ini akan mencerminkan tahap kecairan koperasi, setelah mengambil kira keupayaan koperasi untuk kekal berdaya saing dalam jangka masa panjang. Selain itu, peruntukan-peruntukan hutang lapuk dan belanjawan juga perlu diambil perhatian yang sama

penting. Setelah kesemua aspek dipertimbangkan, koperasi bolehlah menetapkan kadar dividen yang ingin dibayar berdasarkan trent tahun-tahun terdahulu. Walau bagaimanapun, semua pembahagian berkanun dan kerugian terkumpul perlu dilunaskan terlebih dahulu sebelum mencadangkan kadar dividen yang akan dibayar. **DK**

## Rujukan

Maktab Koperasi Malaysia. (2014). Pengurusan Kewangan Koperasi. Petaling Jaya: Maktab Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. ( ). Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Petaling Jaya: International Law Book Services.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2010). Peraturan-peraturan koperasi 2010 Pekara 16(2). Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. ( ). Undang-undang Kecil Seragam. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

GP 2: Garis Panduan Pembayaran Pembayaran Dividen di Bawah Perenggan 57(5)(b). Akta Koperasi 1993

GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi